



جَابِلُ مَفْنِي نَكْرِي مَالِك
JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA

PANDUAN SOLAT SUNAT *KHUSUF* & KHUTBAH GERHANA BULAN

TARIKH : 8 NOVEMBER 2022M / 13 RABIULAKHIR
1444H
HARI : SELASA
MASA : 6.51 PETANG HINGGA 8.49 MALAM

Jadual Kenampakan Gerhana Bulan Penuh Di Negeri Melaka:

Fasa Gerhana	Tarikh & Waktu
Mula Penuh	8 Nov 2022 (6.16 petang)
Maksimum	8 Nov 2022 (6.59 petang)
Akhir Penuh	8 Nov 2022 (7.41 malam)
Gerhana Tamat	8 Nov 2022 (8.49 malam)

PANDUAN SOLAT SUNAT *KHUSUF* & KHUTBAH GERHANA BULAN

Pengertian *al-Khusuf*

1. *Al-Khusuf* (الخسوف) adalah istilah yang sering digunakan bagi menggambarkan gerhana bulan. *Al-Khusuf* dari segi bahasa bermaksud tertutup cahaya sama ada sebahagian atau keseluruhannya.

Hukum Solat Sunat *Khusuf*

2. Hukumnya adalah *sunnah mu'akkadah* (sangat dituntut) dan amat dianjurkan mengerjakannya sama ada bagi orang yang bermukim atau musafir, merdeka atau hamba, lelaki atau perempuan dan sama ada dilakukan secara berjemaah atau bersendirian.

Waktu Solat Sunat *Khusuf*

3. Waktu solat sunat *Khusuf* bermula apabila berlaku keadaan gerhana, iaitu warna permukaan bulan akan berubah menjadi warna putih bersinar ke merah-merahan sebahagian atau keseluruhannya. Waktunya akan berakhir dengan hilangnya keadaan gerhana tersebut, iaitu iaitu warna permukaan bulan kembali kepada keadaan asal.

Tempat Melaksanakan Solat Sunat *Khusuf*

4. Solat sunat *Khusuf* hanya dilakukan di tempat berlakunya gerhana tersebut. Ia sunat dilakukan di masjid, surau atau mana-mana tempat yang biasa dilakukan solat berjemaah.

5. Solat sunat *Khusuf* dilakukan sebanyak dua rakaat. Ia boleh dilakukan secara berseorangan, namun sebaiknya dilakukan secara berjemaah.

6. Solat ini boleh dilakukan dengan **tiga cara**:

- (a) **Cara yang paling ringkas**, iaitu ditunaikan dengan dua rakaat seperti mana-mana solat sunat.
 - (b) **Cara yang pertengahan atau *adna al-kamal* (أدنى الكمال)**, iaitu ditunaikan dengan dua rakaat, dua kali *qiyam* (berdiri) dan dua kali *ruku'* disertai bacaan surah *al-Fatihah* dan mana-mana surah pada setiap rakaat tanpa dipanjangkan bacaan pada kedua-dua rakaat.
 - (c) **Cara yang paling sempurna atau *akmal* (أكمل)**, iaitu ditunaikan seperti cara kedua dengan dua rakaat, dua kali *qiyam* dan dua kali *ruku'* disertai bacaan surah *al-Fatihah* dan mana-mana surah pada setiap rakaat dengan memanjangkan bacaan pada kedua-dua rakaat.
7. Tiada azan dan iqamah sebelum memulakan solat sunat *Kusuf*.
 8. Rukun solat sunat *Kusuf* adalah sama seperti solat-solat yang lain.
 9. Bacaan surah *al-Fatihah* dan surah lain bagi solat sunat *Kusuf* ini sunat dibaca dengan suara yang perlahan.
 10. Kaedah pelaksanaan solat sunat *Kusuf* adalah seperti yang berikut:

(a) **Seruan bagi menunaikan solat:**

الصَّلَاةُ جَامِعَةٌ رَحِمَكُمُ اللَّهُ .

(b) **Lafaz niat:**

أُصَلِّي سُنَّةَ الْخُسُوفِ رَكَعَتَيْنِ إِمَامًا / مَأْمُومًا
لِلَّهِ تَعَالَى .

Maksudnya: “Sahaja aku solat sunat Gerhana Bulan dua rakaat menjadi / mengikut Imam kerana Allah Ta’ala.”

(c) Rakaat pertama:

(1) Mulakan dengan lafaz *takbiratul ihram*: (اللهُ أَكْبَرُ) berserta niat solat di dalam hati.

(2) Sunat membaca doa *iftitah*:

اَللّٰهُ اَكْبَرُ كَبِيْرًا ، وَاَلْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا ، وَسُبْحَانَ اَللّٰهِ
بُكْرَةً وَّاٰصِيْلًا ، وَجَهْتُ وَجْهِيْ لِلَّذِيْ فَطَرَ السَّمٰوٰتِ
وَالْاَرْضَ حَنِيفًا مُّسْلِمًا وَمَا اَنَا مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ ، اِنَّ
صَلٰتِيْ وَنُصْرِيْ وَحَيٰتِيْ وَمَمَاتِيْ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ ، لَا
شَرِيْكَ لَهُ وَبِذٰلِكَ اُمِرْتُ وَاَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ .

(3) Membaca *ta'awwuz*: (اَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ).

(4) Membaca surah *al-Fatihah* kali pertama.

(5) Membaca surah *al-A'la* atau surah *al-Kafirun* atau mana-mana surah.

(6) *Ruku'* pertama, membaca *tasbih*: (سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ وَبِحَمْدِهِ).

(7) *I'tidal* pertama, berdiri dan melafazkan *takbir*: (اللهُ أَكْبَرُ).

(8) Membaca surah *al-Fatihah* kali kedua.

- (9) Membaca surah *al-Ghashiyah* atau surah *al-Ikhlash* atau mana-mana surah.
- (10) *Ruku'* kedua, membaca *tasbih*: (سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ).
- (11) *I'tidal* kedua, membaca: (سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ).
- (12) Sujud pertama, membaca *tasbih*: (سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ).
- (13) Duduk antara dua sujud.
- (14) Sujud kedua, membaca *tasbih*: (سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ).

(d) Rakaat kedua:

- (1) Berdiri sambil melafazkan *takbiratul qiyam*: (اللَّهُ أَكْبَرُ).
- (2) Membaca surah *al-Fatihah*.
- (3) Membaca surah *al-Dhuha* atau surah *al-Falaq* atau mana-mana surah.
- (4) *Ruku'* pertama, membaca *tasbih*: (سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ).
- (5) *I'tidal* pertama, berdiri dan melafazkan *takbir*: (اللَّهُ أَكْبَرُ).
- (6) Membaca surah *al-Fatihah* kali kedua.
- (7) Membaca surah *al-Insyirah* atau surah *al-Nas* atau mana-mana surah.
- (8) *Ruku'* kedua, membaca *tasbih*: (سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ).
- (9) *I'tidal* kedua, membaca: (سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ).

- (10) Sujud pertama, membaca *tasbih*: (سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ).
- (11) Duduk antara dua sujud.
- (12) Sujud kedua, membaca *tasbih*: (سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ).
- (13) Membaca *tahiyyat* akhir.
- (14) Melafazkan salam: (الْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ).

Khutbah Gerhana Bulan

11. Sunat membaca dua khutbah setelah selesai melakukan solat sunat *Khusuf* walaupun keadaan gerhana telah hilang. Namun, dua khutbah tersebut bukanlah menjadi syarat sah bagi solat sunat *Khusuf* Khutbah juga tidak dibaca ketika solat bersendirian atau hanya melibatkan jemaah wanita sahaja.

12. Imam atau Khatib yang membaca khutbah hendaklah berada di hadapan makmum dan sunat memegang tongkat di sebelah kiri. Sekiranya tiada, Khatib boleh melepaskan sahaja tangan ke bawah semasa membaca khutbah. Makmum hendaklah mendengar dengan khusyuk sehingga khutbah selesai.

13. Khutbah Gerhana Bulan sama sahaja rukunnya dengan khutbah Jumaat atau Hari Raya. Walau bagaimanapun, khutbah gerhana ini tidak dikehendaki bertakbir seperti khutbah Hari Raya.

14. Rukun khutbah Gerhana Bulan hendaklah dibaca dalam bahasa Arab, iaitu:

- (a) Memuji Allah dengan sebarang bentuk pujian.
- (b) Berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW dengan sebarang bentuk selawat.
- (c) Memberi pesanan takwa.

- (d) Membaca ayat al-Quran pada salah satu khutbah.
- (e) Membaca doa untuk sekalian muslimin pada khutbah kedua.

15. Kandungan khutbah hendaklah menyuruh para jemaah melakukan perkara kebajikan seperti bertaubat, bersedekah, berdoa, beristighfar, berpuasa serta memberi peringatan agar tidak lalai dan sebagainya.

16. Kaedah membaca khutbah Gerhana Bulan adalah seperti yang berikut:

- (a) Khatib terus berdiri di hadapan makmum.
- (b) Memberi salam: (اَلْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ).
- (c) Membaca teks khutbah Gerhana Bulan seperti pada lampiran.
- (d) Duduk sebentar setelah tamat khutbah pertama.
- (e) Khatib teruskan membaca khutbah kedua hingga tamat.

“KHUTBAH GERHANA BULAN PENUH”

(KHUTBAH PERTAMA)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ :

﴿هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ﴾ ﴿يونس: 5﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اَللّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ ، لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ .

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Saya menyeru agar kita bertakwa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan menjunjung segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan hidup kita mendapat rahmat dan keredaan Allah Subhanahu wa Ta'ala di dunia dan di akhirat.

Alhamdulillah, pada hari ini kita diperlihatkan lagi dengan bukti kebesaran dan keagungan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* iaitu fenomena Gerhana Bulan Penuh. Gerhana Bulan terjadi apabila kedudukan Bumi berada di antara Matahari dan Bulan. Kedudukan bumi yang berada di tengah-tengah antara matahari dan bulan menghalang cahaya matahari sampai ke bulan dan menyebabkan sebahagian atau seluruh bulan tertutup oleh bayangan bumi. Fenomena alam ini menunjukkan bahawa bumi, bulan, matahari serta seluruh angkasa bergerak mengikut garis orbit masing-masing menurut sunnatullah.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Maha Suci Allah, betapa hebatnya kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang mentadbir dan menyusun seluruh makhluk di alam ini. Dia yang menciptakan setiap kejadian di langit dan di bumi. Dia-lah juga yang menciptakan matahari dan bulan yang terang dan bersinar serta berpindah pada tempat peredaran masing-masing hingga terjadinya malam dan siang, gelap dan terang. Sesungguhnya setiap ciptaan-Nya itu bukanlah sesuatu yang sia-sia, bahkan ada hikmah yang tersendiri termasuklah kejadian gerhana matahari yang berlaku pada hari ini.

Antara hikmah di sebalik kejadian gerhana ini adalah seperti yang berikut:

Pertama: Ia menjadi iktibar agar kita ingat akan peristiwa Hari Kiamat sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah al-Qiyamah, ayat 7-9:

﴿فَإِذَا بَرِقَ الْبَصَرُ ۖ وَخَسَفَ الْقَمَرُ ۖ وَجُمِعَ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ ۚ﴾

Maksudnya: "Maka (jawabnya: hari kiamat akan datang) apabila pemandangan menjadi terpendar-pendar (kerana gerun takut. Dan bulan hilang cahayanya. Dan matahari serta bulan dihindungkan bersama."

Kedua: Kejadian gerhana ini tiada kaitan langsung dengan hal ehwal kehidupan manusia di muka bumi ini, apatah lagi yang melibatkan kepercayaan karut mahupun perbuatan khurafat. Sebaliknya, ia adalah suatu peringatan Allah bagi menghadirkan perasaan takut dalam jiwa manusia. Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alayhi Wasallam:

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ ، لَا يَنْكَسِفَانِ لِمَوْتِ
أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ ، وَلَكِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُخَوِّفُ بِهَا عِبَادَهُ .

Maksudnya: "Sesungguhnya matahari dan bulan adalah sebahagian daripada bukti kebesaran Allah. Kedua-duanya menjadi gerhana bukan kerana kematian seseorang atau kelahiran seseorang, tetapi Allah memberi peringatan kepada hamba-Nya dengan gerhana tersebut."

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Ketiga: Ia menjadi bukti kehebatan dan kekuasaan Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagai satu-satunya Tuhan yang berhak disembah. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah Fussilat, ayat 37:

﴿وَمِنْ ءَايَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ
وَالْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴾ (٣٧)

Maksudnya: "Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan, dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, kalau betullah kamu hanya beribadat kepada Allah."

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Rasulullah *Sallallahu 'Alayhi Wasallam* mengajar kita untuk menginsafi, mendirikan solat dan memuji Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ketika berlakunya gerhana. Imam Al-Ghazali pula dalam Kitab *Al-Adab Fi Al-Din* menyatakan bahawa hendaknya fenomena gerhana membuatkan manusia semakin menampakkan ketundukan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, bertaubat dari kesalahan-kesalahan, serta semakin meresapi kehadiran Ilahi dalam kehidupannya. Imam Al-Ghazali menyatakan yang bermaksud :

"Perilaku yang semestinya ditunjukkan ketika terjadinya gerhana bulan: sentiasa memiliki rasa takut, menampakkan rasa gelisah, segera bertaubat, tidak bersikap mudah bosan, segera melaksanakan solat, memanjangkan solatnya, dan merasakan adanya peringatan".

Bagi Imam Al-Ghazali, peristiwa gerhana merupakan detik merenungi keagungan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang Maha Agung. Keagungan kuasa-Nya yang dihayati akan mencetuskan kalbu yang selalu merendah diri di hadapan-Nya, gelisah dengan dosa-dosa dan terus bertaubat, bersungguh-sungguh dalam mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, memperbanyakkan istighfar bagi memohon keampunan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Selanjutnya, ambillah iktibar, bahawa kita yang kini sihat wal'afiat, akan ditimpa musibah atau kematian. Oleh itu, manfaatkanlah umur kita sebaiknya dengan melakukan perkara-perkara yang berikut:

Pertama: Beribadah kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan berusaha melakukan kebaikan dan kebajikan sebanyaknya sebagai persiapan pada saat kita menemui Allah *'Azza Wajalla* kelak.

Kedua: Teruskan bermuhasabah, merenung kekhilafan dan kealpaan diri, seterusnya bertaubat serta memohon ampun kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, sesama insan dan berlaku ihsan kepada makhluk yang lain. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah Hud ayat 90:

﴿وَأَسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي رَحِيمٌ وَدُودٌ﴾

Maksudnya: "Dan mintalah ampun kepada Tuhan kamu, kemudian kembalilah taat kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhanku Maha Mengasihani, lagi Maha Pengasih."

Ketiga: Banyakkan bersedekah, kerana ia menambahkan pahala dan keluasan rezeki di samping menolak bala serta mendapat perlindungan Allah daripada api neraka.

Akhirnya, marilah kita berdoa memohon rahmat dan hidayah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar Negeri Melaka menjadi "*Baladatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur*" dan seluruh rakyatnya dilimpahi nikmat keamanan, kesejahteraan, perpaduan, kasih sayang, hormat-menghormati serta terhindar daripada segala musibah, bencana, wabak penyakit, peperangan dan sebagainya. Peliharalah kelestarian alam sekitar yang kita diami ini demi kesinambungan generasi akan datang. Ambillah peluang untuk kita tingkatkan pengetahuan, mengkaji dan merenung keagungan ciptaan Allah Yang Maha Esa. Semoga kejadian gerhana ini menjadikan kita lebih bertakwa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta terhindar berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini. *Amin Ya Rabbal 'Alamin*.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ

فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ﴾

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad), tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang yang beriman bertawakkal."

(Surah al-Taubah : 51)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ . وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ . وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ . أَقُولُ قَوْلِي هَذَا ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

(KHUTBAH KEDUA)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ ، وَنَعُوذُ
بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ
لَهُ ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ .

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Sekali lagi saya berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian agar bertakwa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Ketahuilah, bahawa hidup di dunia ini hanyalah sementara dan hidup di akhirat kekal selamanya. Oleh itu, marilah kita menilai kembali pegangan dan amalan kita sebelum kita dihisab di hadapan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Kembalilah kepada kitab Allah dan sunnah Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* yang membawa petunjuk dan hidayah kepada kita. Bersatulah, dan berpegang teguhlah kita dengan ajaran Islam dari segi akidah, syariah dan akhlak berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah demi keutuhan agama, kesatuan ummah, keharmonian dan kesejahteraan Negara.

Selanjutnya, banyakkkanlah ucapan selawat dan salam kepada Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alayhi Wasallam* sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

﴿ إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴾ (سورة الأحزاب : 56)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ ، فِي الْعَالَمِيْنَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ مُّجِيْدٌ .

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ .

يَا اَللّٰهُ ، يَا رَحْمٰنُ ، يَا رَحِيْمُ ،

Limpahkanlah rahmat dan keampunan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, serta Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka.

يَا سَتَّارُ، يَا عَلِيمُ،

Kurniakan kerahmatan dan keselamatan, penjagaan dan perlindungan ke atas negeri kami. Jadikan rakyatnya bersatu-padu, berilmu pengetahuan dan berakhlak mulia. Lindungi kami daripada perpecahan dan fitnah-memfitnah. Berkatilah kehidupan kami dan hindarilah negeri dan negara kami dan umat Islam keseluruhannya daripada wabak penyakit, bencana dan bahaya.

يَا وَهَّابُ يَا رَزَّاقُ

Kami bersyukur atas segala nikmat dan rezeki-Mu yang telah kami nikmati. Jadikanlah negeri kami ini sebagai sebuah negeri yang aman dan sentiasa mendapat pengampunan-Mu.

﴿... رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾﴾

(سورة البقرة : 201)

عِبَادَ اللَّهِ !

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾﴾ (سورة النحل : 90)

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ .